

10/11/1999

Menggadaikan maruah untuk menjaga hati

Nasir Hassan

KENYATAAN Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Jumaat lalu berhubung kesediaan parti itu menerima pemimpin DAP menjadi Perdana Menteri, walaupun bukan Islam, menambahkan satu lagi isu baru politik tanah air.

Menteri Besar Kelantan itu bukan saja mendapat cemuhan daripada pemimpin Barisan Nasional (BN) dan orang Melayu, tetapi juga dari kepemimpinan Pas sendiri. Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bukan saja tidak bersetuju dengan saranan Nik Aziz, malah menyifatkannya sebagai 'lucu'. Tidak mustahil juga, kedua-dua pemimpin Pas itu mempunyai agenda yang berbeza.

Bagi Nik Aziz, beliau ingin menunjukkan kenyataan itu seolah-olah menggambarkan sikap keterbukaan Pas dalam menerima rakan kongsi politiknya daripada parti pembangkang lain dalam barisan alternatif, termasuk DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Beliau mungkin beranggapan kenyataannya itu boleh menarik pengundi bukan Melayu memberi sokongan kepada DAP, Keadilan atau PRM. Fadzil pula mungkin beranggapan kenyataan Nik Aziz itu akan menyebabkan pengundi Melayu akan menolak Pas.

Bagi pemerhati politik, kenyataan terbaru Nik Aziz itu tidak mengejutkan kerana kenyataan seumpama itu bukanlah pertama kali dikeluarkannya.

Malah, kenyataannya pernah menimbulkan kontroversi sehingga 'menikam' parti itu sendiri menyebabkan pemimpinnya terpaksa menghabiskan 'bergantung ubat' untuk menjelaskan semula kepada rakyat pendirian parti itu.

Berasaskan pendirian tegas Nik Aziz kali ini, bolehlah dianggap bahawa beliau mengeluarkan kenyataan politik itu dengan nada serius.

Kali ini beliau tidak bergurau kerana menurutnya ia dilakukan berasaskan kepada semangat Perlembagaan.

Namun tidak dapat dielakkan sesetengah pihak menganggap kenyataan Nik Aziz itu sebagai gimik politik untuk membuktikan sikap toleransi parti itu terhadap rakan kongsi politiknya (DAP) demi memenuhi cita-cita mereka. Ini kerana, umum mengetahui bahawa DAP dan Pas tidak pernah dapat tidur sebantol, apatah lagi untuk bermimpi bersama.

Ini terbukti apabila Pas awal-awal lagi menyatakan pendiriannya mahu menegakkan negara Islam jika berjaya memerintah negara ini, manakala DAP pula menentang dasar Pas.

Sesetengah pihak pula menganggap tindakan Pas itu menunjukkan parti itu terpaksa menggadaikan maruah yang selama ini berjuang untuk menegakkan agama Islam, semata-mata untuk menumbangkan kerajaan BN yang sekian lama memegang tampuk pemerintahan negara.

Kenyataan itu juga dilihat sebagai 'menjaga hati' DAP yang begitu mengharapkan kerjasama parti itu.

Jadi, tidak hairanlah jika Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin, secara spontan mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas berhubung isu itu sebagai membuktikan kepemimpinan Pas semakin liberal.

Kata Dr Chen, ini berbeza daripada konsep negara Islam bahawa bukan Islam sama sekali tidak boleh memegang kuasa politik.

Benarlah seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bahawa kenyataan Nik Aziz itu mendedahkan tembelang sebenar parti itu selama ini.

Berikutan keputusan Pas itu, pemimpin mereka perlu mengarahkan semua ahlinya supaya tidak lagi membangkitkan lagi isu kafir-mengkafir seperti

yang diamalkan sebelum ini.

Mungkin bagi Pas tidak ada cara lain dapat menumbangkan kerajaan BN selain daripada bersatu dengan beberapa parti pembangkang lain menerusi barisan alternatif itu.

Bagi ahli Pas yang fanatik kepada parti, mereka tidak boleh menerima kenyataan Nik Aziz itu sebagai 'tulen' dan menganggap ia disalahertikan untuk dijadikan isu.

Tetapi hakikat harus diterima bahawa manifesto yang dipersetujui bersama oleh pakatan barisan alternatif itu menjelaskan segala-agalanya apabila menetapkan bahawa setiap pemimpin parti hanya boleh memegang jawatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar dua penggal saja.

Ini bererti bersetuju atau tidak selepas barisan alternatif dapat memerintah negara, Pas terpaksa melepaskan jawatan berkenaan kepada pemimpin parti lain apabila cukup tempohnya, termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Dalam hubungan ini, Pas tidak harus berdolak-dalik lagi dalam menyatakan sikap dan pendiriannya terhadap rakan kongsi politiknya dengan barisan alternatif, terutama DAP.

Bagaimanapun, apakah Pas sedar dengan 'fatwa' pemimpin parti itu yang mengheret penyokong kuatnya terdiri daripada ulama ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ketika isu mengkafir Umno hebat diperkatakan sekitar 1960-an berikutan Umno bekerjasama dengan parti yang didokong oleh bukan Islam, seperti MCA, MIC dan Gerakan.

Mereka tidak seharusnya lupa sudah berapa ramai ahli Pas yang keluar parti, sama ada menubuhkan parti serpihan lain atau menyertai Umno kerana menentang sikap Pas mengadakan kerjasama itu. Malah, pernah berlaku kumpulan serpihan Pas, yang diketuai Prof Madya Mohd Noor Idris, menubuhkan Kumpulan al-Islah kerana membantah tindakan Pas bersekongkol dengan apa yang dinamakan Nik Aziz sebagai 'gemulah' Parti Melayu Semangat 46 (S46).

Sebelum itu, beberapa bekas pemimpin Pas lain turut keluar daripada parti itu seperti Allahyarham Tan Seri Mohd Asri Muda; Allahyarham Datuk Nik Man Nik Mohamad; dua bekas Presiden Berjasa, Allahyarham Datuk Mohammed Nasir dan Wan Hashim Wan Ahmad; bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Wan Ismail Wan Ibrahim dan bekas Naib Presiden Pas, Datuk Nakhaie Ahmad.

Pas seharusnya tidak lupa sejarah penubuhan parti Berjasa dan Hamim apabila perpecahan berlaku dalam parti itu sehingga mereka bersatu semula bersama-sama S46 dalam gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada pilihan raya umum 1990.

Apa yang berlaku dalam sejarah parti itu tidak mustahil akan berulang semula dalam barisan alternatif kali ini kerana ikatan parti itu dianggap longgar.

Pemerhati politik berpendapat, perpaduan yang wujud antara Pas dengan Keadilan ketika ini tidak sama ketika Pas bekerjasama dengan S46 sebelum pilihan raya umum 1990.

Ini kerana, apa yang jelas kewujudan S46 pada 1988 adalah hasil perpecahan dalam Umno berikutan pemilihan dalam perhimpunan agung parti itu pada 1987 menyebabkan parti itu diharamkan.

Sementara itu, kewujudan parti Keadilan pula berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan politik pada September tahun lalu.

Sebab itu, peristiwa pemecatan Anwar itu dianggap sebagai 'rahmat' bagi Pas untuk menarik lebih ramai sokongan rakyat terhadap parti itu.

Malah, setidaknya-tidaknya Pas mampu menarik seorang penyokong kuat Anwar, Datuk Kamaruddin Jaafar, yang juga bekas Ketua Umno bahagian Tumpat, menyertai parti itu setelah dipecat daripada Umno pada 5 Julai lalu

selepas Majlis Tertinggi (MT) parti mendapati beliau terbabit dalam membantu gerakan parti pembangkang.

Tindakan Kamaruddin itu dianggap tamparan hebat kepada Keadilan kerana umum meramalkan beliau akan menyertai parti pimpinan Datin Seri Wan Azizah Ismail itu, berdasarkan hubungan baiknya dengan Anwar.

Bagaimanapun, mungkin ramai pemerhati politik mempersoalkan kesetiaan Pengerusi Institut Kajian Dasar (IKD) itu dalam Pas kerana beliau seorang ahli Umno tulen sejak diketengahkan sebagai pemimpin Pemuda.

Kenapa Kamaruddin memilih Pas dan tidak menyertai Keadilan sedangkan beliau adalah penyokong kuat Anwar. Mungkin beliau beranggapan lebih senang menggunakan platform Pas daripada Keadilan dalam mengembangkan pengaruh politiknya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Kelantan pada 23 Julai lalu, berkata kemasukan Kamaruddin ke dalam Pas mungkin atas niat ingin menarik pengaruh pihak lain, termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) menyertai parti itu.

Perdana Menteri berkata, strategi itu pernah dilakukan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang cuba memperjuangkan pendapat sendiri sebaik dibawa masuk menyertai Umno.

Justeru, apa pun perkembangan yang berlaku dalam pakatan barisan alternatif itu tidak akan menjejaskan usaha Umno atau BN termasuk merampas kembali Kelantan daripada Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

(END)